

10 DEC 2000

PENGISYTIHARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN TAHUN DEPAN

LANGKAWI, 10 Dis (Bernama) -- Langkawi sudah membuat persiapan untuk menyambut pengisytiharan sebagai Bandaraya Pelancongan yang dijangka awal tahun depan, kata Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kedah Ahmad Bashah Mohamed Hanipah.

Katanya beberapa wakil bandar raya negara-negara jiran dan Jepun akan diundang pada upacara pengisytiharan itu.

Bercakap kepada Bernama selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Masjid Al Rahman Gelam di sini malam tadi, Ahmad Bashah berkata Dr Mahathir dijadual melakukan pengisytiharan itu.

Beberapa acara menarik seperti pertunjukan bunga api, pertandingan perhiasan dan percahayaan adalah antara yang dicadangkan sempena pengisytiharan berkenaan bagi memastikan upacara gemilang itu dapat disertai semua penduduk di pulau peranginan ini, katanya.

Sementara itu, beliau berkata kerajaan negeri telah memohon menaikkan taraf Majlis Daerah Kulim menjadi Majlis Perbandaran kerana kepesatan pembangunan daerah itu dan sedang menimbang untuk membuat permohonan yang sama bagi Majlis Daerah Kubang Pasu.

-- BERNAMA

ZI NH RON